

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG TAWARAN DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
TINGKAT BAWAH
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin – Khamis
8.30 pagi – 12 Tengahari

Hari Sabtu
8.30 pagi – 10.00 pagi

Tarikh Tutup Tawaran:
Tawaran : Selasa, 23 Disember 2026, 2.00 Petang

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah;
6. Tawaran ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;



7. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat** yang akan diadakan pada:

Tawaran: JPH/2105/TAW/402(R)/2025-2026
**MEMBEKAL DUA (2) UNIT KERETA PACUAN EMPAT RODA (4WD)
DOUBLE CAB VEHICLE DAN SATU (1) UNIT KERETA PACUAN EMPAT
RODA (4WD) JENIS SUV BAGI KEGUNAAN JABATAN PERHUTANAN**

Pada: 18 Disember 2025 (Khamis)
Jam: 2.00 Petang
Tempat: Bilik Mesyuarat Rimbawan, Tingkat 2, Jabatan Perhutanan,
Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

8. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;

9. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, *Business License* bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.

10. Setiap tawaran yang akan diiklankan adalah tertakluk kepada keterangan di bawah:

Tawaran: JPH/2105/TAW/402(R)/2025-2026
**MEMBEKAL DUA (2) UNIT KERETA PACUAN EMPAT RODA (4WD)
DOUBLE CAB VEHICLE DAN SATU (1) UNIT KERETA PACUAN EMPAT
RODA (4WD) JENIS SUV BAGI KEGUNAAN JABATAN PERHUTANAN**

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT (Jika belum berdaftar): \$10.00

BORANG TAWARAN: \$15.00

YURAN TAWARAN: \$30.00

-TIDAK DIKEMBALIKAN-

11. **TAWARAN:** Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen **tawaran** adalah pada **18 Disember 2025 (Khamis), 10.00 pagi.**

